

PEMBENTUKAN TATACARA KEHIDUPAN BERADAB: KEPERLUAN ASAS KANAK-KANAK ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi
Siti Fauziyani bt. Md. Saleh @ Masrom
Mohd Ismail Mustari
Yendo Afgani @ Eusoff

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Md Saleh @ Masrom, S. F., Mustari, M. I., & Afgani @ Eusoff, Y. (2004). Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Kanak-kanak Islam in *Simposium Kabajikan Kanak-kanak 2004* at Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang, on 21-22 Julai 2004, pp 1-10.

ABSTRACT

Tatacara Kehidupan beradab Islam (TKBI) ialah tatacara kehidupan rutin harian Islam. Tatacara ini terdiri daripada adab kehidupan harian termasuk; i. makan dan minum, ii. tidur, iii. berkenderaan, iv. masuk dan keluar rumah, v. masuk dan keluar tandas dan lain-lain. TKBI bukanlah setakat satu cara hidup yang membezakan kehidupan Islam atau pun tidak, tetapi juga mempunyai kepentingan rohani dan jasmani kanak-kanak dan orang yang mengamalkannya. Oleh sebab itu, TKBI merupakan salah satu aspek penting dalam pendidikan pembangunan Insan Islam bagi anak-anak yang berada di peringkat sebelum baligh. Mereka banyak menyerap kelakuan dan tindakan orang di sekeliling mereka terutamanya ibu bapa, kawan-kawan dan guru-guru ketika mereka berada dalam tahap umur ini. Hasil daripada cerapan itu, terpancarlah cara hidup harian mereka sehinggalah ke umur remaja dan dewasa. Ini dibuktikan dalam satu kajian tahap amalan tatacara kehidupan beradab di kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Justeru itu, Islam memper-tanggungjawabkan kepada ibu bapa dan pendidik untuk menerapkan tatacara kehidupan ini dengan beberapa kaedah yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya tatacara kehidupan beradab ini dapat diaplikasikan dengan baik oleh kanak-kanak.

REFERENCES

- Abdullah Basmeih (1982). *"Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran."* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri. Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjid al-Tullab.* Bairut: Dar al-Masriq.
- Al-Imam Abi Daud (1994). *"Sunan Abi Daud."* Jil. 1- 4. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Sadqi Mohd. Jamil.
- Al-Imam Al-Bukhari (1991). *"Sahih Al-Bukhari"* Jil. 2-A . Beirut: Dar al-Namuzajiah. Tahqiq: Mohd. Ali Al-Qutb.
- Al-Imam Al-Bukhari (1994). *"Sahih Al-Bukhari."* Beirut: Jil. 1-4. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Imam al-Nawawi (1983). *"Riyad al-Salihin."* Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Imam al-Tarmidzi (1994). *"Sunan al-Tarmidzi."* Beirut: Dar al-Fikr. Al-Imam Muslim (t.t). *"Sahih Muslim."* Juzuk 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Ibnu Manzur, Jamal Al-Din Muhammad Ibn Mukram, (1990). *Lisan al-'Arab.* Bairut: Dar Sadir, Jilid 1-15.
- Kamarul Azmi Jasmi (2002). *"Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin."* Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Kamarul Azmi Jasmi, Azmi Shah Suratman, Aminudin Ruskam, Ahmad Kilani Muhamad dan Zulkefli Harun (2003). *"Pengaruh Pemikiran Al-Imam al-Nawawi di Kalangan Guru-guru Takmir Di Negeri Johor."* Pusat Pengajian Islan dan Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi, Azhar Muhamad, Ahmad Kilani (2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyad al-Solihin.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Proseding Persidangan Kebangsaan.

- Kamus Dewan*, (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Ketiga.
- Muhammad Said (1988). *Fan Tarbiyyah al-Auladfi al-Islam*, Al-Qahirah, Mesir: Dar al-Tauzic wa al-Nasy al-Islamiyyah.
- Nasih Ulwan, Abdullah (1999). *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Jilid 1-2. Singapura: Pustaka Nasional.
- Norinah bt. Kinan (2004). *Tabap Pengamalan Tatacara Kehidupan Beradab Dalam Islam Di Kalangan Mahasiswa Islam*. Universiti Teknologi Malaysia: Thesis di bawah penyeliaan Kamarul Azmi b. Jasmi.

PEMBENTUKAN TATACARA KEHIDUPAN BERADAB: KEPERLUAN ASAS PENDIDIKAN KANAK-KANAK ISLAM*

Kamarul Azmi b. Jasmi
Siti Fauziyani bt. Md. Saleh @ Masrom
Mohd Ismail b. Mustari
Yendo Afgani @ Eusoff
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia

Tatacara Kehidupan beradab Islam (TKBI) ialah tatacara kehidupan rutin harian Islam. Tatacara ini terdiri daripada adab kehidupan harian termasuk; i.makan dan minum, ii.tidur, iii.berkenderaan, iv.masuk dan keluar rumah, v.masuk dan keluar tandas dan lain-lain. TKBI bukanlah setakat satu cara hidup yang membezakan kehidupan Islam atau pun tidak, tetapi juga mempunyai kepentingan rohani dan jasmani kanak-kanak dan orang yang mengamalkannya. Oleh sebab itu, TKBI merupakan salah satu aspek penting dalam pendidikan pembangunan Insan Islam bagi anak-anak yang berada di peringkat sebelum baligh. Mereka banyak menyerap kelakuan dan tindakan orang di sekeliling mereka terutamanya ibu bapa, kawan-kawan dan guru-guru ketika mereka berada dalam tahap umur ini. Hasil daripada cerapan itu, terpancarlah cara hidup harian mereka sehinggalah ke umur remaja dan dewasa. Ini dibuktikan dalam satu kajian tahap amalan tatacara kehidupan beradab di kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Justeru itu, Islam mempertanggungjawabkan kepada ibu bapa dan pendidik untuk untuk menerapkan tatacara kehidupan ini dengan beberapa kaedah yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya tatacara kehidupan beradab ini dapat diaplikasikan dengan baik oleh kanak-kanak.

PENDAHULUAN

Pendidikan kanak-kanak dianggap peringkat* terpenting dalam kehidupan seorang manusia. Pada peringkat inilah bermulanya perkembangan dan pembentukan kanak-kanak yang akan mencorakkan kehidupannya yang akan datang samada tergolong dalam golongan manusia yang baik atau pun sebaliknya. Ini adalah kerana segala tabiat dan kelakuan seorang manusia tercorak daripada didikan semasa kanak-kanak (Muhammad Said, 1998: 13). Pandangan ini disokong dalam satu kajian (Norinah Kinan, 2004) yang menunjukkan bahawa tatacara kehidupan harian remaja dan dewasa merupakan cerminan kepada didikan yang diberikan semasa kanak-kanak. Aspek mana tatacara kehidupan yang selalu ditekankan kepada mereka semasa kanak-kanak, itulah yang paling istiqamah diamalkan tatkala mereka memasuki alam remaja dan dewasa.

Dalam membicarakan pendidikan kanak-kanak, Islam memberikan penjelasan yang terang dan mendaam tentang segala aspek pendidikan yang menjadi hak untuk diberikan kepada anak-anak. Antara pendidikan kanak-kanak yang juga diberikan penekanan ialah Pendidikan Tatacara Kehidupan Beradab Islam (TKBI). Pendidikan TKBI sememangnya menjadi hak kepada anak-anak untuk mereka miliki sebelum mereka mencapai umur baligh. Hal ini telah dipesan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri dalam sabdanya (Muhammad Said, 1998: 13), "*Didiklah adab*

* Kertas kerja dibentangkan di Simposium Kabajikan Kanak-kanak 2004 di Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang pada 21-22 Julai 2004, anjuran Jabatan Kerja Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial & Manusia, Universiti Utara Malaysia.

(kehidupan) kepada anak-anakmu" dan Baginda s.a.w. juga selalu menunjuk ajar kepada sahabat-sahabat bagaimana untuk menerapkan pendidikan TKBI kepada terhadap anak-anak.

KEPENTINGAN MCMBIASAKAN TATACARA KEHIDUPAN BERADAB ISLAM (TKBI)

Dalam membicarakan kepentingan TKBI ini penulis membawakan contoh kehidupan sepetang seorang kanak-kanak bernama Ahmad sebelum membahaskan kepentingan dan faedah rohaniah dan jasmaniah yang diperolehinya.

Sepetang Bersama Kanak-Kanak Yang Mcmbiasakan TKBI

Ahmad turun dari kenderaan sekolahnya berjalan menuju ke rumah. Beberapa langkah sebelum masuk ke rumah dia membaca basmalah dan doa masuk ke rumah serta membent salam. Kemudian dia menyalin baju dan masuk ke bilik air dengan doa sambil melangkah ke dalam dengan kaki kiri serta menyarung alas kaki bermula dengan kaki kanan. Ahmad juga bercebuk dengan tangan kirinya. Selepas itu, Ahmad mandi dengan memulakan jirusan daripada anggota kanan dan mengambil wuduk. Kemudian dia keluar dari bilik air dengan kaki kanan diiringi dengan doa dan memakai baju dengan memulakan anggota kanan. Ketika makan malam pula dia makan berjemaah bersama-sama ahli keluarga. Ayahnya memulakan makan dengan doa dengan diaminkan yang lain. Makan dan minum dengan tangan kanan dan diakhiri sebelum kenyang dengan ucapan doa kesyukuran setelah memastikan jari-jari dan bekas makanannya bersih. Setelah itu, Ahmad menaiki basikal dengan memijak pedal basikal dengan kaki kanan sambil mengucapkan basmalah diikuti doa berkenderaan sambil tersenyum menuju ke surau berdekatan untuk solat magrib dan terus beriktikaf sehingga ke Isyak. Selepas Isyak, Ahmad membuat kerja sekolah dengan dimulai membaca basmalah Apabila masa tidur menjelang, dia mengambil wuduk, kemudian menyapu bacaan surah al-Ikhlash, al-Falaq dan al-Nas ke seluruh badan sebelum menzikirkan zikir Fatimah. Dia tidur dengan berbaring dilambung kanan dan diikuti dengan doa tidur.

Kepentingan Kebiasaan TKBI Kepada Kanak-Kanak

Contoh kehidupan sepetang yang dilalui oleh Ahmad di atas membolehkannya mendapat faedah yang besar yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w.

Kebiasaannya yang menyerupai kebiasaan yang disukai Nabi s.a.w. atau yang disuruh oleh Nabi dalam contoh kehidupan di atas menyebabkan dirinya dicintai dan dikasihi oleh Allah S.W.T, juga dirahmati dan diberkati oleh-Nya selain mendapat keredaan-Nya. Perkara ini dijelaskan sendiri oleh-Nya dalam ayat al-Quran (Ali Imran: 31) yang bermaksud, "*Katakanlah olehmu (Ya Muhammad!) kalau kamu ingin dicintai Allah maka, hendaklah kamu mengikut (cara kehidupan)leu, nescaya Allah akan menyintaimu.*" Ayat ini jika merujuk kepada TKBI Rasulullah s.a.w. membawa maksud bahawa si Ahmad yang terdidik dengan TKBI berada dalam pandangan dan kasih sayang Allah S.W.T. seterusnya dia terpandu membesar dalam didikan-Nya. Hal ini telah ditegaskan Rasulullah s.a.w. sendiri dalam sabdaan yang berbunyi,

[Hadis 1] "*Sesungguhnya Allah S.W.T berfirman; "Sesiapa yang memusuhi wali-Ku (orang yang ku kasihi), sesungguhnya Aku isytiharkan perang ke atasnya, dan tidaklah hampir hamba-Ku kepada-Ku dengan sesuatu yang dia menyukai-Ku dengan apa yang telah Aku wajibkan ke atasnya, dan hamba-Ku sentiasa hampir kepada-Ku dengan amalan-amalan sunat sehingga Aku mengasihinya, apabila Aku telah mengasihinya nescaya Aku jadi pendengarannya yang mana dia mendengar dan Aku menjadi penglihatannya yang mana ia melihat dan menjadi tangannya yang*

mana ia memegang, dan Aku menjadi kakinya yang mana ia berjalan, jika dia memohon hajat kepada-Ku nescaya Aku perkenankan dan jika dia memohon perlindungan kepada-Ku nescaya akan Aku melindunginya. "

(Al-Imam Bukhari, 1991: 2039/4)

Hadis di atas menegaskan bahawa berpegang kepada perkara yang diwajibkan Allah S.W.T. sudah cukup untuk seseorang mendapat pahala yang besar dan kasih sayang-Nya sehingga Dia sentiasa bersedia untuk membelanya. Bahkan, mereka terus mendapat tambahan pahala, kasih sayang dan hubungannya yang semakin akrab dengan-Nya apabila melakukan pula amalan yang tambahan seperti TKBI yang diajarkan Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang ditegaskan dalam surah Ali Imran yang lalu. Rapatnya hubungan kepada Allah S.W.T. menyebabkan segala tindak tanduknya berupa pendengaran, penglihatan dan tidak tanduknya dididik oleh-Nya.

Sabdaan-sabdaan Rasulullah s.a.w. yang lain pula telah menjelaskan secara terperinci beberapa manfaat yang diterima oleh Ahmad antaranya ialah syaitan tidak boleh masuk ke rumah seseorang yang membaca basmalah ketika masuk ke dalam rumahnya. Hal ini dijelaskan dalam satu sabdaan hadis yang bererti, [Hadis 2] *"Apabila seseorang membaca bismillah ketika masuk ke rumah dan ketika makan, maka syaitan berkata kepada sahabatnya; "Kamu semua tidak dapat bermalam di rumah tersebut dan tidak boleh makan malam bersama mereka. "* (Al-Imam Muslim, t.t: 108/6) Bahkan dirinya dan keluarga di dalam rumah turut mendapat keberkatan dari salamnya. Sebagai mana yang dijelaskan Rasulullah ketika memberikan galakan kepada seorang kanak-kanak yang bernama Anas dengan sabdanya, [Hadis 3] *"Hai anakku, jikalau engkau masuk ke rumahmu berilah salam, kerana kelakuanmu itu menjamin keberkatan kepadamu dan keluargamu yang di dalam rumah. "* (Al-Imam al-Tarmidzi, 1994 320/4).

Begitu juga perbuatan Ahmad dengan mengkanankan setiap perbuatan yang baik merupakan amalan yang sangat disukai oleh Nabi s.a.w. sebagaimana yang dijelaskan oleh Saidina Aisyah katanya, [Hadis 4] *"Bafrawa Nabi s.a.w. bersungguh-sungguh mengkanankan ketika memakai kasut, melangkah, bersuci dan dalam semua perkara (yang baik) "* (Al-Imam al-Bukhari, 1994: 169/1).

Makan berjemaah dengan ibu bapa dan adik-beradik atau dengan kawan-kawan pula memberi keberkatan kepada makanan yang dimakan. Rasulullah s.a.w. bersabda [Hadis 6] *"Makanan seorang lelaki cukup untuk dua orang makanan untuk dua orang mencukupi untuk empat orang dan makanan untuk empat orang mencukupi untuk lapan orang"* (Sahih al-Bukhari, 1991: 1736/4; Sahih Muslim, t.t: 132/6).

Amalan Ahmad menyisip jari-jari dan memastikan bekas makanannya yang dimakan bersih merupakan amalan yang diperintahkan oleh Nabi s.a.w. agar menjamin semua keberkatan pada makanan dapat diambil. Jabir menjelaskan: [Hadis 7] *"Rasulullah s.a.w menyuruh menyisip jari dan pinggan sambil baginda bersabda; "Sesungguhnya kamu tidak mengetahui makanan manakah yang mempunyai keberkatan. "* (Al-Imam Muslim, t.t: 114/6).

Selain itu, membaca doa kesyukuran selepas makan menjamin nikmat dan rezeki ditambah Allah S.W.T. (Ibrahim: 7; Abdullah Basmeih, 1982). Pilihan makan tidak terlalu kenyang juga merupakan anjuran Rasulullah s.a.w. kepada umatnya dan di dalamnya terdapat kepentingan dan faedah dari menjaga kesihatan yang baik (Nasih Ulwan, 1999: 524/1). Rasulullah pernah memberi ancaman dalam sabdanya,

[Hadis 5] *"Tiada suatu (empat yang dipenuhi oleh anak Adam, yang lebih mencelakakan selain daripada perutnya. Memadailah untuk anak Adam itu beberapa suap makanan untuk menegakkan tulang belakangnya (untuk menahan*

kelaparannya). Jika itu tidak dapat dipertahankan, hendaklah sepertiga untuk makanannya, sepertiga pula untuk miumbhya dan sepertiga lagi untuk nafasnya." (Al-Imam al-Tarmidzi, 1994: 168/4)

Cara Ahmad menaiki kenderaan pula dijelaskan oleh Ali b. Rabi'ah katanya,

[Hadis 9] "Saya melihat Ali b. Abu Talib r.a. diberikan kenderaan untuk tungganganannya. Ketika dia memijak pemijak kaki dan mengucapkan basmalah dan setelah beradab di atas kenderaan dia mengucapkan:

سبحان الذي سخر لنا هذا وما كنا له مقرنين وإنا إلى ربنا لمنقلبون

kemudian beliau bertahmid 3 kali dan bertakbir 3 kali kemudian beliau mengucapkan:

اللهم اغفر لنا ذنوبنا فاغفر لنا مغفرة من عندك وارحمنا إنك أنت التواب الرحيم.

kemudian beliau tersenyum. Aku bertanya kepadanya, "Wahai amir al-mukminin". Mengapa engkau tersenyum? Beliau lantas menjawab, "Aku pernah melihat Nabi s.a.w. tersenyum dan aku juga telah bertanya, "Ya Rasulullah! Mengapa tuan tersenyum? Baginda menjawab, "Sesungguhnya Tuhanmu merasa taajub terhadap hamba-Nya apabila dia mengucapkan: "Ampunkanlah dosa-dosaku! Sedangkan dia ketahui tidak ada yang boleh mengampuni dosanya selain daku "

(Al-Imam Abu Daud, 1994: 599/2)

Ahmad juga membiasakan TKBI ketika tidur dan banyak faedah yang diperolehinya. Antaranya terpelihara daripada sihir, jin dan syaitan terhadap diri apabila seluruh badan disapukan dengan hembusan bacaan surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan al-Nas. Hal ini ada dijelaskan oleh Muaz b. Abdullah katanya,

[Hadis 10] "Sekali peristiwa aku bersama Rasulullah s.a.w. di satu jalan di Mekah dalam keadaan berdua sahafa. Tiba-tiba Rasulullah s.a.w. mendekatiku dan memerintahkanku: "Bacalah!" aku bertanya apa yang perlu ku baca? Rasulullah s.a.w. menjawab: "bacalah (قل يا أيها الكافرون) sehingga akhir surah dan sehingga akhir surah. Lalu beliau menambah tidak ada satu bacaan perlindungan manusia (daripada sihir, syaitan dan jin) yang lebih baik daripada ini."

(Al-Imam al-Nasa 1, t.t.: Kitab al-lsti azah)

Al-Imam Bukhari (1987: 129/11) dan Al-Imam Abu Daud (1994: 501/2) menambah bacaan ini dibaca tiga kali kepada hembusan air ludah di tangan dan disampukan ke seluruh badan sebelum tidur. Manakala zikir Fatimah pula membolehkan si Ahmad memperolehi kekuatan diri seolah-oleh mempunyai kekuatan seorang pembantu di siang harinya. Ali r.a. pernah bercerita,

[Hadis 11] "Bahawa Fatimah r.ha. banyak melakukan kerja rumah sehingga membekas badannya (kerana mengangkat air atau menguli dan memasak roti). Sekali tawanan perang dibawa kepada nabi, (mendengarkan itu) Fatimah r.ha. pergi

mendapatkan nabi tetapi baginda tiada yang ada adalah Saidatina Aisyah, lalu beliau menceritakan keinginannya. Apabila nabi pulang, Saidatina Aisyah menceritakan kedatangan Fatimah. Nabi s.a.w. datang kepada kami ketika kami di perbaringan kami. Kemudian baginda bersabda. "Hendakkah aku tunjukkan kepada kamu berdua sesuatu yang lebih baik daripada permintaan kamu berdua kepadaku, iaitu, apabila kamu di diperbaringanmu bacalah takbir 33 kali, tasbih 33 kali dan tahmid 33 kali. Ini adalah lebih baik daripada seorang khadam.

(Al-Imam al-Bukhari, 1991: 1988/4. Al-Imam Muslim, t.t: 84/8).

Penulis menfokuskan sebahagian TKBI harian dan faedahnya sebagai gambaran betapa TKBI mempunyai banyak manfaat kepada kanak-kanak yang mengamalkannya bukan sahaja faedah daripada aspek jasmaniah malah faedah yang lebih lagi dalam aspek rohaniah. Kajian yang mendalam melalui pembacaan buku-buku hadis boleh menggali lebih banyak faedah yang tidak dapat penulis sebut semuanya dalam perbincangan di atas.

KAJIAN TAHAP AMALAN TATACARA KEHIDUPAN BERADAB DI KALANGAN MAHASISWA ISLAM TAHUN AKHIR, UTM.

Pendidikan TKBI sejak kanak-kanak sangat penting kerana pada tahap umur inilah mereka banyak menteladani perbuatan, kelakuan, bimbingan, tunjuk ajar daripada ibu bapa, guru tadika, sekolah rendah dan menengah rendah. Kajian yang dijalankan membuktikan kenyataan ini.

Kajian Lapangan

Kajian telah dijalankan kepada 180 (30.3%) daripada keseluruhan 594 mahasiswa tahun akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Soalan kajian hanya mengkaji tiga TKBI dalam tatacara adab memberi salam dan meminta izin masuk ke Rumah, tatacara adab makan dan minum serta tatacara adab tidur dan bermimpi. Hasil kajian telah dianalisis oleh penulis dengan menumpukan hubungan tahap amalan yang istiqamah dan yang tidak istiqamah dengan latar belakang sekolah menengah mereka. Setelah soal selidik diedarkan secara *persampelan rawak mudah*, dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat bentuk sekolah yang telah diterima oleh responden sebelum mereka melangkah ke UTM. 92 mahasiswa terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 50 orang pula merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) atau Sekolah Menengah Agama (SMA), 19 orang lagi daripada Sekolah Berasrama Penuh (SMKA) atau Maktab rendah Sains Mara (MRSM) dan 19 orang yang lain pula daripada Lain-lain Sekolah (LLS). Pengkaji menggedredkan tahap TKBI kepada *istiqamah* merujuk kepada mahasiswa selalu mengamalkannya dan hanya kadang-kadang sahaja yang tertinggal. Manakala *tidak istiqamah* (T. Istiqamah) pula merujuk kepada mahasiswa yang tidak pernah buat atau kadang-kadang sahaja melakukannya. Secara umumnya dapatan kajian adalah seperti di Jadual 1.

Rumusan Kajian

Berdasarkan dapatan yang terhasil, maka disimpulkan seperti berikut,

1. Mahasiswa yang pernah bersekolah di SMKA dan SMA merupakan golongan yang paling tinggi tahap istiqamah TKBI iaitu daripada 30 item yang dikaji sebanyak 19 item sedang diamalkan dengan istiqamah sebagai kebiasaan harian mereka. Manakala mahasiswa-mahasiswa daripada sekolah SMK, SBP/MRSM dan LLS pula hanya 15 item sahaja yang mereka biasakan dalam kehidupan harian daripada 30 item yang dikaji. Dapatan membuktikan peranan pelajaran agama dan sekolah agama dalam meningkatkan tahap TKBI dalam kehidupan harian.

2. Sekalipun pelajaran dan sekolah agama ada memainkan peranan dalam meningkatkan kebiasaan TKBI, namun jika penumpuan penerapan dapat diperhalusi dan diberikan keutamaan oleh ibu bapa dan guru-guru terhadap anak-anak mereka sudah tentu tahap TKBI akan lebih tinggi. Ini adalah kerana mahasiswa yang bukan daripada sekolah SMKA/SMA juga mampu mengamalkan TKBI dengan baik dalam adab makan dan adab memberi salam.

JADUAL1: DAPATAN TAHAP TKBI BERDASARKAN KLAIFIKASI PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH

| Bil. | Adab memberi salam dan meminta izin masuk ke rumah (Item 1-10) adab makan dan minum (Hem 11-20) Adab Tidur dan Bermimpi (Item 21-30) | SMK | | SMKA/SMA | | SBP/MRSM | | LLS | | JUMLAH |
|------|--|--------------|-----------|--------------|-----------|--------------|-----------|--------------|-----------|------------------|
| | | T. Istiqamah | Istiqamah | T. Istiqamah | Istiqamah | T. Istiqamah | Istiqamah | T. Istiqamah | Istiqamah | |
| 1 | Saya memberi salam kepada orang yang saya kenal. | 55 | 37 | 15 | 35 | 10 | 9 | 6 | 13 | 180 |
| 2 | Saya memberi salam kepada orang yang tidak saya kenal. | 71 | 21 | 34 | 16 | 16 | 3 | 15 | 14 | 180 |
| 3 | Saya menjawab salam dengan lafaz <i>wa-alaikum al-salam</i> . | 22 | 70 | 15 | 35 | 4 | 15 | 6 | 13 | 180 |
| 4 | Saya menjawab salam dengan lafaz <i>wa-alaikum al-salam wa-rahmatullah</i> . | 56 | 36 | 30 | 20 | 13 | 6 | 16 | 3 | 180 |
| 5 | Saya menjawab salam yang diberikan oleh orang bukan Islam dengan lafaz <i>wa-calaikum</i> . | 66 | 26 | 27 | 23 | 14 | 5 | 14 | 5 | 180 |
| 6 | Saya menjawab salam yang diberikan oleh orang bukan Islam dengan lafaz <i>wa-alaikum wa-rahmatullah wa barakatuh</i> . | 74 | 18 | 38 | 12 | 16 | 3 | 18 | 1 | 180 |
| 7 | Saya meminta izin daripada tuan rumah sebelum masuk ke rumahnya. | 18 | 74 | 5 | 45 | 3 | 16 | 4 | 15 | 180 |
| 8 | Saya memberi salam sebelum masuk ke mana-mana rumah. | 10 | 82 | 2 | 48 | 3 | 16 | 6 | 13 | 180 |
| 9 | Saya beredar dari rumah yang tidak memberi jawapan keizinan untuk masuk setelah diminta sehingga tiga kali. | 37 | 55 | 16 | 34 | 9 | 10 | 5 | 14 | 180 |
| 10 | Saya akan memberi salam di kiri atau kanan pintu rumah | DO | 2D | 34 | 16 | 19 | 0 | 18 | 1 | 180 |
| 11 | Saya membaca <i>bismillah</i> pada permulaan makan | 3 | 89 | 2 | 48 | 0 | 19 | 1 | 18 | 180 |
| 12 | Saya makan beramai-ramai/berjamaah dalam satu bekas makanan. | 79 | 13 | 30 | 20 | 18 | 1 | 18 | 1 | 180 |
| 13 | Saya hanya menggunakan tangan kanan ketika makan. | 6 | 86 | 5 | 45 | 3 | 16 | 0 | 19 | 180 |
| 14 | Saya memuji makanan yang sedap. | 22 | 70 | 12 | 38 | 4 | 15 | 5 | 14 | 180 |
| 15 | Saya tidak mengeluh terhadap makanan yang tidak sedap. | 22 | 70 | 14 | 36 | 7 | 12 | 7 | 12 | 180 |
| 16 | Saya makan roti/ kuih/ buah menggunakan tiga jari. | 52 | 40 | 28 | 22 | 14 | 5 | 19 | 0 | 180 |
| 17 | Saya menyisip sisa makanan pada jari selepas makan. | 34 | 58 | 12 | 38 | 8 | 11 | 3 | 16 | 180 |
| 18 | Saya tidak makan sambil bersandar. | 18 | 74 | 17 | 33 | 1 | 18 | 0 | 19 | 180 |
| 19 | Saya tidak bernafas di dalam cawan ketika minum. | 16 | 76 | 7 | 43 | 0 | 19 | 2 | 17 | 180 |
| 20 | Saya hanya minum secara duduk. | 14 | 78 | 6 | 44 | 2 | 17 | 1 | 18 | 180 |
| 21 | Saya berwuduk sebelum tidur. | 65 | 27 | 33 | 17 | 18 | 1 | 18 | 1 | 180 |
| 22 | Saya mengibas tempat tidur sebelum baring untuk tidur. | 45 | 47 | 23 | 27 | 12 | 7 | 10 | 9 | 180 |
| 23 | Saya menghembuskan bacaan Surah al-lkhlis, Surah al-Falaq dan Surah al-Nas ke tangan kemudian menyapukan ke seluruh badan sebelum tidur. | 66 | 26 | 31 | 19 | 16 | 3 | 18 | 1 | 180 |
| 24 | Saya membaca tasbih (33x), tahmid (33x) dan takbir (34x) sebelum tidur. | 71 | 21 | 30 | 20 | 18 | 1 | 17 | 2 | 180 |
| 25 | Saya berbaring pada lambung (rusuk) sebelah kanan apabila tidur. | 34 | 58 | 24 | 26 | 9 | 10 | 13 | 6 | 180 |
| 26 | Saya berdoa sebelum tidur dengan doa tidur. | 46 | 46 | 13 | 37 | 13 | 6 | 11 | 8 | 180 |
| 27 | Saya berdoa ketika bangun tidur dengan doa bangun tidur, | 56 | 36 | 25 | 25 | 15 | 4 | 17 | 2 | 180 |
| 28 | Saya tidak menceritakan mimpi yang saya tidak sukai kepada orang lain, | 23 | 69 | 11 | 39 | 2 | 17 | 8 | 11 | 180 |
| 29 | Saya mengucapkan <i>efudzu billahimin al-shaitan al-rajim</i> apabila mengalami mimpi yang saya tidak sukai. | 52 | 40 | 20 | 30 | 16 | 3 | 13 | 6 | 180 |
| 30 | Saya tidak menceritakan mimpi yang tidak saya alami kepada orang lain. | 23 | 69 | 4 | 46 | 1 | 18 | 6 | 13 | 180 ¹ |

(Data dari sumber Norinah hi. Kman, 2001)

3. TKBI yang paling tinggi diamalkan ialah adab makan dan minum, menurut Norinah Kinan (2004), kebiasaan ibu bapa berkumpul dengan anak-anak untuk makan bersama dan penerapan guru-guru tadika tentang adab ini menjadikan adab ini paling tinggi dibiasakan oleh mahasiswa. Dapatan di atas menunjukkan bahawa semua mahasiswa yang berlatarkan pendidikan menengah yang berlainan telah mengamalkan adab ini dengan baik iaitu lapan daripada 10 item dibiasakan dalam kehidupan mereka.
4. TKBI yang paling rendah pengamalannya pula dalam dapatan ialah adab tidur dan bermimpi. Mahasiswa daripada LLS hanya istiqamah dua daripada 10 adab sedangkan masing-masing hanya tiga adab yang istiqamah bagi mahasiswa daripada sekolah SMK dan SBP/MRSM. Pelajar daripada SMKA/SMA pula berada pada tahap tertinggi pengamalan adab ini iaitu empat daripada 10 adab.
5. TKBI bagi adab memberi salam dan meminta izin masuk ke rumah menunjukkan bahawa mahasiswa yang bersekolah daripada SMK dan SBP/MRSM hanya istiqamah mengamalkan empat adab daripada 10 adab berbanding dengan SMKA/SMA dan LLS yang istiqamah lima daripada 10 adab tersebut.
6. Kajian juga menunjukkan hampir separuh manfaat kecuali mahasiswa yang berlatar belakangkan sekolah SMKA/SMA sebanyak 1/3 manfaat yang telah dijanjikan oleh Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. kepada pengamal TKBI telah hilang kerana tidak dibiasakan dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh sebahagian besar responden tidak mempunyai perlindungan daripada gangguan syaitan dan jin ketika tidur (Item 23) dan tidak tahu melindungi diri setelah diganggu syaitan ketika tidur (Item 29).
7. Penyelidikan membuktikan bahawa mahasiswa ada didedahkan dengan TKBI semasa mereka kanak-kanak tetapi dalam bentuk yang umum sahaja. Justeru menjadi keperluan kepada ibu bapa, penjaga, guru-guru tadika, guru-guru sekolah rendah dan menengah rendah untuk mernberikan tumpuan TKBI yang lebih menyeluruh melalui pembacaan dan kajian seterusnya dapat menerapkan TKBI ini kepada kanak-kanak agar manfaat yang lebih menyeluruh dapati dimiliki oleh mereka.
8. Tahap TKBI mahasiswa dalam kajian sebenarnya juga merupakan lambang kepada tahap TKBI golongan yang pernah mendidik mereka sejak dari kecil. Justeru itu, kesedaran perlu ditingkatkan kepada semua golongan masyarakat yang terlibat dengan pendidikan kanak-kanak terutamanya ibu bapa untuk meningkatkan tahap TKBI mereka agar manfaat kebiasaan mereka terhadap TKBI dapat diwariskan kepada kanak-kanak.

KAEDAH PRAKTIKAL DALAM PENERAPAN TKBI KANAK-KANAK

Perbincangan kepentingan TKBI dan datapan kajian yang dijalankan dalam perbincangan yang lalu mernberikan kesedaran tentang peri pentingnya tahap pengamalan TKBI dalam kehidupan harian untuk diterapkan kepada diri dan kanak-kanak dengan lebih menyeluruh dan terancang.

Keseluruhan TKBI merupakan cara hidup Islam yang ditunjukkan Rasulullah s.a.w. Justeru, pengkajian daripada Al-Quran dan al-Hadis merupakan langkah pertama mendalami TKBI secara mendalam seterusnya barulah berusaha untuk menerapkannya kepada kanak-kanan. Pendekatan kaedah yang khusus pula sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. pula mampu mernberikan impak yang lebih baik dalam mendidik kanak-kanak dalam TKBI. Ini adalah kerana kaedah pendidikan kanak-kanak sedikit sebanyak berbeza dengan kaedah pendidikan orang dewasa. Kanak-kanak pada asal kejadiannya adalah tidak mengetahui apa-apa tentang segala benda di dunia ini. Justeru, mereka sentiasa agresif untuk mengetahui semua benda yang baru kepada mereka, mengikut dan mengajuk sebutan serta kelakuan orang yang

dekat dengan mereka terutamanya ibu bapa (Muhammad Said, 1998: 13). Justeru, Rasulullah s.a.w. menunjukkan kaedah pendidikan anak-anak dalam pendidikan TKBI. Antara kaedah-kaedah yang baik dalam menerapkan pendidikan tatacara kehidupan beradab ini telah dijelaskan dalam paradigma al-Nawawi di bawah ini (Kamarul Azmi, 2002):

Teknik '*Uswah Hasanah*'

Teknik '*Uswah Hasanah*'* ialah teknik memberi contoh tauladan kepada anak-anak. Teknik ini merupakan teknik yang paling berkesan dalam mendidik kebiasaan kehidupan kanak-kanak yang mengalami proses penerimaan cara hidup ibu bapanya dan orang di sekelilingnya. Menurut Amina Noor (2003: 124) kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang aktif turut menjadi aktif berbanding kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang lembap. Oleh itu, untuk menerapkan kebiasaan TKBI ini, ibu bapa perlu mengkaji, mendalami dan menjadikan diri mereka model di hadapan kanak-kanak terlebih dahulu. Selepas itu, dengan mudahnya mereka mengikut apa yang ditunjukkan kepada mereka sehingga kebiasaan ini menjadi rutin yang kekal dalam kehidupan mereka sehingga dewasa.

Contoh penggunaan teknik ini telah ditunjukkan [Hadis 9]. Dalam hadis ini nabi menjadikan dirinya sebagai model kepada Saidina Ali sehingga dipraktikkan dengan baik oleh beliau. Kemudian kaedah yang sama juga diturunkan oleh Saidina Ali kepada seorang kanak-kanak yang bernama Ali b. Rabfah.

Teknik Motivasi Dan Amaran

Penggunaan motivasi dan amaran merupakan salah satu metod penyampaian yang selalu digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam menerapkan TKBI. Teknik galakan bermaksud meningkatkan penghayatan TKBI dengan janji-janji yang menyeronokkan dan memotivasikan kanak-kanak kepada amalan tersebut. Sedangkan teknik amaran pula memberikan ancaman yang jelas kepada kanak-kanak supaya tidak membuat sesuatu kebiasaan yang tidak baik (Ibnu Manzur, 1990: 422/1. al-Bustani, 1956: 251). Menurut paradigma al-Nawawi (kamarul Azmi, 2002) kedua-dua teknik motivasi dan amaran perlu terutama kepada kanak-kanak tetapi yang terbaik adalah digunakan dengan nisbah 6:4. Ini adalah kerana, motivasi menjadikan kanak-kanak seronok dan rapat kepada pendidiknya yang merupakan syarat penting untuk keberkesanan pendidikan kanak-kanak. Namun kerana kanak-kanak sememangnya tidak mengetahui sifat dan kelakuan yang tidak baik, justeru pendidik perlu menggunakan teknik amaran supaya mereka jelas tentang perkara-perkara yang tidak baik untuk diikuti.

Contoh bentuk teknik motivasi seperti dalam [Hadis 5 dan 6]. Hadis-hadis ini merupakan bentuk galakan Rasulullah s.a.w. untuk umatnya mengaplikasikan TKBI tersebut. Kedua-dua hadis, memberi motivasi supaya makan dengan cara berjemaah kerana dengan makan berjemaah menambahkan keberkatan kepada makanan sehinggakan makanan yang disediakan untuk empat orang boleh mencukupi untuk dimakan oleh lapan orang jika dimakan secara berjemaah.

Contoh bentuk amaran pula seperti mana yang ditunjukkan dalam Hadis 8. Dalam hadis ini Rasulullah s.a.w. memberi amaran bahawa perut yang diisi penuh dengan makanan boleh mencelakakan pemiliknya (dengan pelbagai penyakit).

Teknik Arahan Berbentuk Suruhan Dan Tegahan

Teknik arahan berbentuk suruhan melakukan sesuatu seperti arahan "buatlah begini dan begitu" lebih disukai daripada arahan berbentuk tegahan seperti "jangan buat begini dan begitu" dalam pendidikan. Contoh teknik ini dalam membentuk TKBI seperti mana yang diceritakan oleh Ibnu Umar b. Abi Salamah. Beliau berkata, "Aku pernah berada di bawah penjagaan Rasulullah s.a.w. (sewaktu kecil). Pernah satu ketika waktu makan, tanganku terhulur hendak menjangkau

dulang (makanan), lalu Rasulullah s.a.w bersabda kepadaku; "*Wahai anak mudal Ucaplah bismillah, makanlah dengan tangan kanan dan mulakan dengan makanan yang terdekat denganmu.*" (Sahih al-Bukhari, 1991: 1732/4; Sahih Muslim, t.t: 109/6) Bentuk suruhan ini sebenarnya lebih digemari untuk digunakan daripada arahan berbentuk tegahan seperti: *Jangan lupa baca bismillah, jangan makan tangan kiri dan jangan makan yang dibahagian jauh*, menurut paradigma al-Nawawi (Kamarul Azmi, 2002).

Penggunaan Terknik Bercerita Dalam Penerapan PPI

Teknik bercerita dalam penyampaian merupakan antara tarikan penerapan TKBI kepada kanak-kanak. Sememangnya teknik bercerita adalah satu teknik yang baik untuk menerapkan aspek-aspek pembangunan insan. Sebagai contoh sesuatu aspek TKBI lebih diminati dan dihayati apabila disampaikan dalam bentuk sebuah plot cerita atau drama berbanding dengan hanya disampaikan dalam bentuk-bentuk fakta akademik (Kamarul Azmi, Azhar Muhamad, Ahmad Kilani, 2003: 8). Bukti terbaik kebaikan teknik ini dengan merujuk kepada Al-Quran sendiri yang banyak menggunakan teknik bercerita dalam menyampaikan isi pengajarannya begitu juga dengan hadith-hadith nabi.

Contoh bentuk cerita dalam menerapkan TKBI seperti hadis [Hadis 11]. Hadis ini menceritakan peristiwa yang berlaku kepada Saidina Fatimah r.ha. mengalami kesusahan dengan kerja rumah dan memerlukan pembantu tetapi Rasulullah menggantikan dengan amalan sehingga terkenal dengan nama *zikir Fatimah*.

t

Teknik Metafora Untuk Memudahkan Kefahaman

Perkara-perkara keagamaan seperti TKBI kebanyakannya adalah sesuatu yang abstrak yang kadangkala sukar untuk digambarkan dengan pemikiran manusia. Penyelesaian kepada perkara ini ialah dengan menggunakan teknik metafora. Metafora bermaksud sebagai pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan iaitu sebagai satu perbandingan atau kiasan (Kamus Dewan, 2000: 886).

Contoh bentuk metafora dalam penerapan TKBI ada ditunjukkan dalam hadis seperti hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas yang bererti, "*Janganlah minum sekaligus sekali nafas seperti minunnya unta, tetapi minumlah dua tiga kali teguk, setiap kali ingin meneguk minum bacalah basmalah dan ucapkanlah al-Hamdulillah apabila menurunkan bekas minumanmu (daripada mulut)*" (Al-Imam al-Tarmidzi, 1994: 352/3). Dalam hadis ini Rasulullah s.a.w. membuat perbandingan yang mernberikan penjelasan tambahan antara seorang yang minum sekaligus dengan cara minunnya unta yang tidak berhenti minum selagi tidak kenyang daripada minunnya.

PENUTUP

Pendidikan TKBI merupakan salah satu aspek yang penting kepada pendidikan kanak-kanak dalam Islam. Melalui pendidikan ini banyak manfaat dan faedah kepada mereka yang dijanjikan oleh Allah S.W.T. melalui lidah junjungan baginda s.a.w.

Kajian yang dijalankan pula sudah sepatutnya memberi kesedaran kepada para pendidik kanak-kanak tentang peri pentingnya usaha yang bersungguh-sungguh terus dijalankan agar TKBI atau ajaran Islam itu sendiri menjadi cara hidup kanak-kanak Islam secara keseluruhannya.

Bagi memantapkan lagi usaha murni pendidikan TKBI, pendekatan dan metodologi yang diajarkan Rasulullah s.a.w. bagi menerapkan TKBI ini kepada kanak-kanak boleh dijadikan sandaran utama pendidikan anak-anak di samping kaedah-kaedah yang sedia ada.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1982). *"Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran."* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri. Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjid al-Tullab.* Bairut: Dar al-Masriq.
- Al-Imam Abi Daud (1994). *"Sunan Abi Daud."* Jil. 1- 4. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Sadqi Mohd. Jamil.
- Al-Imam Al-Bukhari (1991). *"Sabih Al-Bukharl"* Jil. 2-A . Beirut: Dar al-Namuzajiah. Tahqiq: Mohd. Ali Al-Qutb.
- Al-Imam Al-Bukhari (1994). *"Sabih Al-Bukhari."* Beirut: Jil. 1-4. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah. Al-Imam al-Nawawi (1983). *"Riyad al-Salihin."* Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Imam al-Tarmidzi (1994). *"Sunan al-Tarmidzi."* Beirut: Dar al-Fikr. Al-Imam Muslim (t.t). *"Sabih Muslim."* Juzuk 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Ibnu Manzur, Jamal Al-Din Muhammad Ibn Mukram, (1990). *Lisan al-^cArab.* Bairut: Dar Sadir, Jilid 1-15.
- Kamarul Azmi Jasmi (2002). *"Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Tekst Terhadap Kitab Riyad al-Solihin."* Universiti Malaya: Projek Sarjana. 9
- Kamarul Azmi Jasmi, Azmi Shah Suratman, Aminudin Ruskam, Ahmad Kilani Muhamad dan Zulkefli Harun (2003). *"Pengaruh Pemikiran Al-Imam al-Nawawi di Kalangan Guru-guru Takmir Di Negeri Johor."* Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi, Azhar Muhamad, Ahmad Kilani (2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyad al-Solihin.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Proseding Persidangan Kebangsaan.
- Kamus Dewan,* (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Ketiga.
- Muhammad Said (1988). *Fan Tarbiyyah al-Auladfi al-Islam,* Al-Qahirah, Mesir: Dar al-Tauzic wa al-Nasy al-Islamiyyah.
- Nasih Ulwan, Abdullah (1999). *Pendidikan Anak-anak dalam Islam.* Jilid 1-2. Singapura: Pustaka Nasional.
- Norinah bt. Kinan (2004). *Tabap Pengamalan Tatacara Kehidupan Beradab Dalam Islam Di Kalangan Mahasiswa Islam.* Universiti Teknologi Malaysia: Thesis di bawah penyeliaan Kamarul Azmi b. Jasmi.